

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u><b>IPU seluruh negara catat bacaan bawah 100</b></u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 1
2.	<u><b>Malaysia calls on Asean to fight haze</b></u>	The Star	Rujuk lampiran 2
3.	<u><b>Bahan kimia mungkin untuk dijual</b></u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 3
4.	<u><b>Malaysia to push for proactive action on haze</b></u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 4
5.	<u><b>Tubuh pasukan sukarelawan</b></u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
6.	<u><b>112 tong cecair mudah terbakar ditemui</b></u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 6
7.	<u><b>112 tong minyak bitumen dibuang</b></u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 7
8.	<u><b>Air quality improves despite dry spell</b></u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 8
9.	<u><b>Alert over drums found near stream</b></u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 9
10.	<u><b>Recognition for energy efficiency</b></u>	The Star	Rujuk lampiran 10
11.	<u><b>Lima negara bincang isu jerebu</b></u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 11
12.	<u><b>Pemilik 112 tong dikenakan notis</b></u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 12
13.	<u><b>Tetapkan syarat lain</b></u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 13



## TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
14.	<u>Lynas mahu Fuziah kemuka bukti setiap tuduhan</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 14
15.	<u>Tetap bantah operasi Lynas</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 15
16.	<u>Ambil tindakan penyebab pencemaran</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 16
17.	<u>Awards finalists to focus on clean rivers</u>	The Star	Rujuk lampiran 17

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
18.	<u>Typhoon ‘Wipha’ Slams Vietnam, Killing five</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 18
19.	<u>Jerebu: 700 alami masalah pernafasan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 19
20.	<u>Climate change crises heading for an ecological land grab</u>	The Star	Rujuk lampiran 20
21.	<u>‘Pulau Jawa bergelap’, 50 rumah hangus</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 21
22.	<u>New Japanese flying car gets off the ground, for about a minute</u>	The Star	Rujuk lampiran 22
23.	<u>Five killed, 13 missing after storm in Vietnam</u>	The Star	Rujuk lampiran 23



**LAMPIRAN 1**  
**KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 2**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## IPU seluruh negara catat bacaan bawah 100

**KUALA LUMPUR** – Indeks pencemaran udara (IPU) di seluruh negara mencatatkan bacaan bawah 100 yang menunjukkan kualiti udara sederhana setakat pukul 6 petang semalam.

Menurut portal **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**, bacaan IPU tertinggi dicatatkan di Balik Pulau, Pulau Pinang (88) diikuti

Sungai Petani, Kedah (84).

Turut mencatatkan bacaan tertinggi ialah Seberang Jaya (82), Minden (82), Seberang Perai (83) dan Johan Setia Klang (83).

Majoriti semua kawasan mencatatkan bacaan IPU sederhana manakala hanya Tawau, Sabah mencatatkan IPU paras

baik dengan bacaan 48.

IPU antara 0 hingga 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan lebih 301 (berbahaya).

Orang ramai boleh merujuk portal [apims.doe.gov.my](http://apims.doe.gov.my) untuk mengetahui bacaan IPU semasa. – Bernama



**LAMPIRAN 2**  
**THE STAR (NATION): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# Malaysia calls on Asean to fight haze

By SIRA HABIBU  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia will call on Asean member countries to take proactive measures to avoid trans-boundary haze during a two-day meeting in Brunei beginning today.

In a statement, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry said Malaysia wanted concerted efforts taken in accordance with the Asean Agreement on Trans-boundary Haze ratified by member countries.

## 'We want joint efforts on trans-boundary smoke'

Deputy Minister Isnaraissah Munirah Majilis, who will lead the Malaysian delegation to the 21st Technical Working Group, and the Sub-Regional Ministerial Steering Committee Trans-boundary Haze Pollution meetings in Brunei, would submit reports on the measures taken to avoid open burning and haze.

"Malaysia will also activate a new National Action Plan for Open Burning and fine-tune the existing

National Haze Action Plan," it said yesterday.

The annual meeting involving Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapore and Thailand will discuss steps that need to be taken to address the trans-boundary pollution issue.

The ministry also noted that the Klang Valley, the southern part of the west coast of the peninsula and the west coast of Sarawak were slightly shrouded in haze as forest fires continued to rage in Sumatra and Kalimantan.

"Based on the Singapore-based Asean Specialised Meteorological Centre's (ASMC) report on Aug 2, 25 hotspots were recorded, of which 23 were in Kalimantan and two in Sabah.

"There were also hotspots that could not be detected due to the thick cloud. ASMC's regional haze map showed the ring of smoke covering burning areas and the forests in Riau and Jambi in Sumatra, as well as in west and central Kalimantan, Indonesia," it said.

The Air Pollutant Index had also increased in the peninsula and western Sarawak, said the ministry.

The Meteorological Department, it added, had forecast the southwest monsoon to persist until mid-September.

"The formation of the Francisco tropical storm in the Pacific, and the low-pressure system forming in the West Philippines will affect the wind pattern in the region, prolonging the dry spell," it said.

**LAMPIRAN 3**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

### **Bahan kimia mungkin untuk dijual**

KUANTAN - Penemuan 15 tong hitam yang diper-  
caya mengandungi sodium sianida yang ditemui di  
ladang kelapa sawit di Karak, Jumaat lalu berke-  
mungkinan untuk dijual kepada pihak tertentu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Abdul Jalil Hassan ber-  
kata, pihaknya tidak menolak kemungkinan itu  
disebabkan bahan kimia tersebut banyak digunakan  
dalam industri perlombongan emas dan dipercaya  
menjadi tempat pengumpulan, sementara menanti  
pembeli mengambilnya.

Menurutnya, terdapat  
kemungkinan juga bahan  
kimia itu sengaja ditinggal-  
kan bertujuan dilupuskan  
kerana difahamkan, kos  
melupuskan sodium sianida  
terlalu tinggi.

"Kita telah terima la-  
poran dan siasatan menyeluruh pelbagai kemungkinan sedang dijalankan. Ada kemungkinan ia untuk dijual kepada pihak tertentu dan mereka tinggalkan tong bahan kimia itu se-  
mentara menanti pembeli.  
"Untuk melupuskannya



Polis tidak menolak kemungkinan tong yang mengandungi bahan sodium sianida dipercaya untuk dijual kepada pihak tertentu.

(sodium sianida) juga memakan kos yang tinggi dan ia perlu dilakukan di Bukit Pelanduk, Negeri Sembilan.

"Kemungkinan pihak ini tidak mahu menanggung kos yang besar dan sengaja meletakkan semua tong itu di kawasan ladang itu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, lapan anggota polis terpaksa mendapatkan rawatan selepas disyaki terhadu gas sodium sianida ketika membuat pemeriksaan ke atas 15 tong itu.

Susulan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan

Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang dikerahkan membuat pemeriksaan dan sampel kimia tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor.

Sementara itu, Abdul Jalil berkata, empat anggota polis dibenarkan keluar setelah menerima rawatan di Hospital Bentong.

Katanya, dua daripada anggota polis dibenarkan pulang petang kelmarin, manakala dua lagi dibenarkan pulang semalam setelah keadaan mereka dilaporkan stabil.

**LAMPIRAN 4**  
**NEW STRAITS TIMES (NATION): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

**ASEAN MEET**

## Malaysia to push for proactive action on haze

**KUALA LUMPUR:** Malaysia will table all the measures it had taken to prevent open burning and haze at the 21st Technical Working Group and Sub-Regional Ministerial Steering Committee Transboundary Haze Pollution meeting.

The meeting in Brunei Darussalam, which ends today, will include the updating of the nation's National Haze Action Plan and the implementation of the new National Open Burning Action Plan.


The five countries involved in this year's meeting, Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapore and Thailand, will discuss the necessary steps to address transboundary haze, in accordance with the Asean agreement on the matter.

In a statement, the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry said the Malaysian delegation would be led by its deputy minister, Isnaraissah Munirah Majilis.

"Malaysia will urge member countries to take proactive measures in ensuring forest and peat fires in Asean countries are controlled to prevent the occurrence of transboundary haze," it said.

Data from the Asean Specialised Meteorological Centre revealed 25 hotspots, a decrease from 39 on Sunday.

From the total, 23 hotspots were in Kalimantan and two were in Sabah. The ministry said some hotspots could not be detected



Malaysia wants Asean countries to take measures to control forest and peat fires to prevent transboundary haze. (Inset) Isnaraissah Munirah Majilis. FILE PIX

due to heavy clouds.

"The wind from the northwest has brought haze from affected areas in Sumatra and Kalimantan to the west coast of Peninsular Malaysia and west Sarawak, which contributed to the rise in Air Pollutant Index readings.

"Weather forecasts until Aug 6 (today) by the Malaysian Meteorological Department have found that the country is in the phase of the southwest monsoon, which is expected to continue until mid-September.

"The Wipha tropical storm approaching northern Vietnam is expected to weaken and completely disappear from Aug 4," the ministry said, adding that another low-pressure system was being formed near the western Philippines.

It said these weather conditions affected the wind patterns in the region, and the weather was expected to be dry during the forecasted period.

The ministry said it would monitor the status and air quality trend hourly, following the increase in the number of hotspots in Sumatra and Kalimantan in Indonesia, which could potentially cause transboundary haze pollution in the west coast of Peninsular Malaysia and Sarawak.

"At the same time, investigations and enforcement will continue on hotspots identified locally. To address the hot and dry weather, all agencies involved in haze pollution management will actively implement open burning prevention efforts that could lead to haze," it added.

The ministry has advised state and local governments, and all land owners to monitor areas prone to open burning such as landfills, forests, peat lands, farms, agricultural and industrial areas.

"Take steps to prevent intrusion by irresponsible parties who may conduct open burning."

**LAMPIRAN 5**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 22**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## Tubuh pasukan sukarelawan

**PASIR GUDANG 5 Ogos** - Badan penaja *Pray For Pasir Gudang* (P4PG) berhasrat untuk menubuhkan pasukan sukarelawan yang terdiri daripada penduduk bagi membantu agensi kerajaan berdepan dengan insiden pencemaran alam sekitar.

Pengerusinya, Jamaluddin Abdul Malik berkata, penubuhan sukarelawan itu juga dapat dijadikan platform pihaknya menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat.

Menurutnya, pertubuhan P4PG disertai seramai kira-kira 1,000 penduduk dan mereka mahu bersama-sama pihak berkuasa dalam menangani isu yang dihadapi.

“Dengan adanya pasukan sukarelawan yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan, kita akan dapat membantu kerajaan dalam perkara berkaitan alam sekitar.

“Selain itu, sukarelawan ini juga boleh menjadi mata dan telinga kepada pihak kerajaan dalam menyampaikan sebarang maklumat berkenaan pencemaran alam sekitar secara langsung kerana ia disertai penduduk tempatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan di Taman Kota Masai, di sini hari ini.

Sementara itu, Jamaluddin turut memberitahu pihaknya telah menyerahkan memorandum berhubung isu-isu melibatkan pencemaran alam sekitar di sini kepada Menteri Besar, Datuk Dr. Sahruddin Jamal.

Memorandum yang mengandungi sembilan perkara itu diserahkan secara peribadi semasa Sesi Townhall Isu-Isu Semasa Pasir Gudang yang diadakan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) semalam.

“Antara intipati memoran-



**JAMALUDDIN ABDUL MALIK** (kini) menunjukkan salinan memorandum yang diserahkan pihaknya kepada Menteri Besar, Datuk Dr. Sahruddin Jamal di Taman Kota Masai, Pasir Gudang, Johor, semalam.

dum termasuklah meminta pihak berwajib melibatkan P4PG sebagai wakil penduduk dalam pelbagai usaha dilakukan kerajaan menangani isu pencemaran di sini.

“Kami juga mahu bekerjasama dengan agensi kerajaan dalam menyelesaikan perkara ini bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat untuk masa akan datang,” ujar beliau.

P4PG turut menyerahkan memorandum kepada beberapa agensi kerajaan lain antaranya Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Jabatan Kesihatan negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Dengan adanya pasukan sukarelawan yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan, kita akan dapat membantu kerajaan dalam perkara berkaitan alam sekitar.”

**JAMALUDDIN  
ABDUL MALIK**

**LAMPIRAN 6**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# 112 tong cecair mudah terbakar ditemui

Siasatan dapati tong milik pekebun sayur, MDHS keluar 2 notis kesalahan

Oleh Khairul Azran Hussin dan Md Fuzi Abd Lateh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Sebanyak 112 tong berisi cecair mudah terbakar ditemui berhampiran anak sungai di kampung Orang Asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor, Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata tong itu ditemui kakitangan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada jam 7.39 pagi selepas menerima maklumat berhubung pembuangan tong berisi cecair di situ.

"Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut mendapati tiada cecair daripada tong ini dikesan memasuki Sungai Jang yang terletak 52 kilometer dari Loji Pembersihan Air Rantau Panjang.

"Pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sudah memasang pita sekatan di lokasi ini.

"Susulan laporan ini, satu operasi bersepadu dijalankan LUAS, MDHS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pengurusan Air



**Pihak LUAS memasang pita sekatan** di lokasi 112 tong berisi cecair mudah terbakar ditemui berhampiran anak sungai di kampung Orang Asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor, semalam. (Foto Sairien Nafis/BH)

Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM)," katanya dalam keadaan media, semalam.

Loy Sian berkata, hasil siasatan mendapati semua tong berisi cecair itu milik pekebun sayur berdekatan tempat kejadian.

"Berikutnya itu, MDHS sudah memberikan dua notis kesalahan kepada pemilik kebun sayur terbabit," katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut mendapati semua tong itu diedar oleh sebuah kilang di Kampung Sungai Dara, Behrang Ulu, Perak.

"Berikutnya itu, MDTM mengeluarkan notis kesalahan kepada pemilik premis berkenaan.

"JAS juga mengarahkan pemilik kilang menguruskan semua tong ini dengan menjauhkannya dari sungai seperti tertakluk mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Katanya, semua tong itu di-

angkut semula ke kilang terbabit, semalam namun LUAS dan agensi berkaitan masih memantau tempat berkenaan.

Sementara itu, Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohd Hamin, berkata pekebun sayur itu mendakwa semua tong itu terpaksa ditinggalkan di tempat terbabit kerana lori yang digunakan untuk membawa muatan itu tidak dapat melalui jalan menuju ke kebunnya kerana saiz kenderaan terlalu besar.

"Namun, ia bukan alasan untuk pihak tidak bertanggungjawab ini meninggalkan semua tong berisi cecair sesuka hati

"Pihak kami juga mengeluarkan dua kompaun di bawah Seksyen 46 (1) (A) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 terhadap pekebun sayur ini atas kesalahan meletakkan himpunan barang di tempat awam tanpa kebenaran MDHS," katanya.

**LAMPIRAN 7**  
**KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

Ditemui berdekatan Sungai Jang, Hulu Selangor dipercayai milik pekebun sayur

# 112 tong minyak bitumen dibuang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**S**AH ALAM — Sebanyak 112 tong disyaki berisi minyak bitumen ditemui di anak sungai berdekatan perkampungan Orang Asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor pada Sabtu lalu.

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengetahui perkara tersebut selepas mendapat aduan daripada penduduk kampung.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian (**gambar kecil**) berkata, tiada sebarang tumpahan daripada minyak tersebut ke dalam sungai.



Katanya, jarak lokasi kejadian dengan Loji Pembersihan Air Rantau Panjang adalah kira-kira 52 kilometer.

"Susulan laporan itu, satu operasi bersepadu dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), MDHS, Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS), Polis Diraja Malaysia, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dan Majlis Daerah Tanjung Malim di kawasan tersebut.

"Pihak LUAS juga telah memasang pita sekatan pada kesemua tong di lokasi itu," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Cecair yang dibuang itu merupakan bahan berasal daripada kelapa sawit dan boleh dijadikan bahan pokok durian.

Menurut Loy Sian, siasatan mendapati tong yang dibuang itu milik seorang pekebun sayur berdekatan kawasan tersebut.

Difahamkan, pemilik kebun itu mendakwa tong berkenaan dilettakkan sementara kerana lori yang digunakan tidak dapat melalui jalan ke kebunnya kerana saiz kenderaan terlalu besar.

Loy Sian memberitahu, kesemua tong itu dikeluarkan sebuah kilang di Kampung Sungai Dara, Behrang Ulu di Perak.

"MDHS telah mengeluarkan dua notis kesalahan kepada pemilik tong berkenaan.

"Selain itu, JAS turut telah menggarahkan pemilik kilang berkenaan untuk menguruskan kesemua tong itu dengan menjauhkannya dari sungai seperti yang tertakluk di bawah Akta



TONG disyaki berisi minyak bitumen ditemui di anak sungai berdekatan perkampungan Orang Asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor pada Sabtu lalu.

Kualiti Alam Sekeliling 1974," jelasnya.

ke kilang terabit.

"Pemantauan berterusan sedang dilakukan oleh LUAS dan pihak berkaitan di lokasi kejadian," katanya.

## LAMPIRAN 8

THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)

## Air quality improves despite dry spell

**PETALING JAYA:** The air quality in most parts of the country has improved despite the current dry spell.

According to the Department of Environment (DOE) website, the Air Pollutant Index (API) readings as of 6pm yesterday was 73 in the Klang Valley, 71 in Cheras and 75 in Putrajaya. Seremban recorded an API of 71, while Alor Star registered 77.

The API in Kangar was 76, Balik Pulau (88), Taiping (80), Batu Muda in Pahang (72) and Besut (80). Tawau recorded the best API reading of 48.

The API in Kota Baru was 82 and while in Tanah Merah, it was 72.

An API reading of between 0 and 50 is good while 51 to 100 is moderate, 101 to 200 is unhealthy, 201 to 300 very unhealthy, and 301 and above is deemed hazardous.

The Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate in a statement yesterday said the DOE would continue to monitor the status and trends of the air quality every hour due to the

increase in hotspots in Sumatra and Kalimantan. It will also check on hotspots in the country.

Meanwhile, the DOE in Kelantan has advised the public not to carry out open burning.

Its director, Hamzah Mohamad, called on vehicle owners, especially those with diesel engines, to maintain their vehicles as that would curb excessive smoke emissions.

He said although the current haze was transboundary, residents must be more conscious of the air around them and avoid action that could worsen air quality.

Hamzah added that the department had launched an operation to prevent open burning at several locations throughout the state.

"We advise the public not to carry out open burning as it is an offence under Section 29A of the Environmental Quality Act 1974," he said.

He added that anyone convicted of open burning could be fined RM500,000 or face a jail term not exceeding five years, or both.



A man wears a mask during hazy conditions in Kuantan, Pahang yesterday. – BERNAMAPIX

## LAMPIRAN 9

THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 4  
TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)

# Alert over drums found near stream

Authorities scramble to seal off area over fears of contamination

■ BY SYED DANIAL SYED AZAHAR  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**P**ETALING JAYA: A total of 112 drums filled with an unidentified liquid were found near a stream at an

orang asli settlement along Sungai Jang in Kerling, Hulu Selangor on Saturday, raising concerns of yet another case of contamination.

Selangor Environment, Green Technology, Science and Consumer Affairs Committee

chairman Hee Loy Sian said the drums were discovered by an officer from the Hulu Selangor District Council about 52km upstream from the Rantau Panjang water purification plant, making it a threat to water supply if the contents of the drums were toxic and if it leaked into the river.

In response to the discovery, an operation involving the council, the Selangor Water Management Authority, Department of

Environment, police, Selangor Water Management Sdn Bhd and the Tanjung Malim District Council was launched to conduct an investigation and prevent the risk of contamination.

Hee said initial investigations showed that nothing had leaked into the river. Nonetheless, the Selangor Water Management Authority has cordoned off the area."

He said investigations revealed

that the drums belonged to a vegetable farmer and he has since been issued two summonses.

The substance contained in the drums was distributed by a factory located in Kampung Sungai Dara in Behrang Ulu, Perak.

Based on provisions of the Environment Quality Act 1974, local authorities ordered the farmer to remove the drums and send them back to the factory. The farmer has complied with the order.

**LAMPIRAN 10**  
**THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 5**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# Recognition for energy efficiency

By AMANDA SURIYA  
amandasuriya@thestar.com.my

SEVERAL companies and organisations were rewarded and recognised for their efforts in helping to transform the sustainable energy landscape in the country.

The National Energy Awards (NEA) 2019 held at The Majestic Hotel in Kuala Lumpur honoured those with outstanding achievements and best practices in driving the country's sustainable energy sector.

Organised by the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (MESTECC), the awards ceremony was launched by its minister Yeo Bee Yin.

Also present were the ministry's secretary-general Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya, GreenTech Malaysia acting chief executive officer Syed Ahmad Syed Mustafa, senior government officials and corporate figures.

"The ministry has embarked in transforming the energy landscape to make it more robust and competitive for the benefit of Malaysians," said Yeo.

He praised the organisers for the success of the inaugural NEA last year and expressed hope for the continued success of the NEA this year and 2020.

"I would like to see more industry associations and chambers to be part of NEA," she said, adding that new initiatives from MESTECC were in line with the development

Institutions and companies awarded for best practices and solutions at National Energy Awards 2019



Yeo (centre) and Azhar (second from left) presenting a mock cheque to the winner in the Energy Efficiency category for Green Building, at the NEA 2019 gala dinner held in Kuala Lumpur. — Photos: SHAARI CHEMAT/The Star

of sustainable energy in Malaysia, including the introduction of the country's very own green tariff to attract the investment of clean and green industry players.

Yeo presented mock cheques and trophies to representatives of eight winners and runners-up in various categories, as well as recipients of merit awards in sub-categories.

Among the winners were Menara TM and Melaka International Trade Centre for the Energy Efficiency category for Energy Management (small build-

ings), while the Environmental Preservation and Innovation Centre (EPIC) in Negeri Sembilan won for Energy Efficiency (large buildings).

Other winners included Kuala Lumpur International Airport 2 in Sepang for Energy Efficient Design, Universiti Malaysia Sarawak for the Renewable Energy category for Off-Grid Power and Menara KEN for the Merit Awards category.

Yeo said the ministry received an overwhelming 145 applications

this year and lauded the growing commitment and confidence of businesses and institutions in Malaysia in adopting sustainable practices in their operations.

"Our panel of judges undertook a rigorous evaluation process to determine the winners of each category," said Yeo.

She added that Malaysia would take part in the Expo 2020 Dubai in October, with GreenTech Malaysia as the implementing agency for the Malaysian Pavilion. The pavilion is intended to target RM10bil in



Yeo hopes to see the NEA evolve to be the leading platform for the sustainable energy industry.

potential trade and investment.

The NEA "is the cornerstone of a joint venture between government and private sectors for innovations in solutions and commercialisation towards a green economy," said Yeo.

She added that Malaysia produced approximately 370 million tonnes of carbon dioxide equivalent and that decarbonising through energy efficiency was among the measures undertaken by MESTECC.

**LAMPIRAN 11**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# Lima negara bincang isu jerebu

**Putrajaya:** Malaysia akan membincangkan isu jerebu rentas sempadan pada Mesyuarat Ke-21 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) dan Sub-Serantau Jawatankuasa Pemandu Menteri Mengenai Pencegahan Jerebu Merentasi Sempadan di Brunei bermula semalam.

Delegasi Malaysia diketuai Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Alim Sekitaran dan Pe-

ruhan Iklim, Isnaraissah Mu-nirah Majlis.

Mesyuarat tahunan itu mem-babitkan lima negara iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singa-pura dan Thailand bagi memantau dan memperincikan langkah perlu dalam mengatasi jerebu ren-tas sempadan, selaras Perjanjian ASEAN mengenai jerebu meren-tasi sempadan.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menerusi kenyataan semalam, berkata Malaysia akan melaporkan semua tindakan yang sudah diambil bagi memasikkan kebakaran terbuka dan jerebu dapat diebak, termasuk men-gemaskini Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan serta pengaktifan Pelan Tindakan Pembakaran Ter-buka Kebangsaan yang baharu.

“Malaysia juga akan meminta negara ahli bersama mengambil tindakan proaktif dalam memasikkan kebakaran hutan dan tanah gambut dalam kalangan negara ASEAN dapat dikawal bagi mengelak jerebu merentasi sempadan terus berlaku,” katanya.

Menurut kenyataan Kementeri-an Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, keadaan sedikit berjerebu berlaku sekitar Lembah Klang, di kawasan selatan Pantai Barat Se-menanjung dan Pantai Barat Sarawak disebabkan jerebu rentas sempadan akibat kebakaran tanah dan hutan di Sumatera serta Kalimantan, Indonesia.

Katanya, berdasarkan laporan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC) yang berpusat di Singa-pura pada 2 Ogos lalu, imej satelit Agensi Pentadbiran Kebangsaan Lautan dan Atmosfera (NOAA) mengesahkan 25 titik panas iaitu 23 di Kalimantan dan dua di Sabah.

Selain itu, terdapat titik panas yang tidak dapat dicerap imej satelit disebabkan litupan awan tebal.

“Peta Jerebu Serantau dikeluar-kan ASMC menunjukkan terda-pat lingkaran asap jerebu dari ka-wasan kebakaran tanah dan hu-



Pemandangan Pelabuhan Pulau Pinang kabur dipercayai akibat jerebu.

(Foto Ramdan Masiam/BH)

tan di Riau dan Jambi, Sumatera serta di Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah.

“Pergerakan angin dari arah Barat Laut membawa asap jerebu dari kawasan terjejas di Sumatera dan Kalimantan ke kawasan Pan-tai Barat Semenanjung serta barat Sarawak yang meningkatkan ba-cuan Indeks Pencemaran Udara (IPU),” katanya.

Tinjauan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia mendapati negara kini masih dalam fasa Monsun Barat Daya yang dijang-ka berterusan hingga pertengahan bulan depan.

Ribut Tropika Wipha yang menghampiri utara Vietnam di-

jangka melemah dan lenyap se-penuhnya hari ini, manakala Ri-but Tropika Francisco sudah ter-bentuk di perairan Pasifik.

Terdapat satu lagi sistem tekanan rendah sedang terbentuk berham-piran barat Filipina. Keadaan ini mempengaruhi corak tiupan angin di rantaui negara dan keadaan cu-a-ca juga dijangka lebih kering se-panjang tempoh ramalan.

Bacaan kualiti udara di seluruh negara setakat jam 6 petang se-malam merekodkan bacaan pada tahap sederhana apabila 67 da-ri pada 68 stesen Jabatan Alam Sekitar (JAS) mencatatkan IPU antara 51 hingga 100.

Daripada keseluruhan kawasan

itu hanya Tawau, Sabah mer-e-kodkan IPU baik, iaitu bawah 50.

Bacaan IPU 0 hingga 50 dik-tegorikan sebagai baik, antara 51 dan 100 (sederhana), antara 101 dan 200 (tidak sihat), antara 201 dan 300 (amat tidak sihat) dan lebih 301 (berbahaya).

Ketua Pengarah Jabatan Meteo-rologi, Jaiyan Simon, sebelum ini dilaporkan berkata keadaan jerebu yang melanda negara dijangka berterusan susulan kewujudan ti-tik panas membabitkan beberapa daerah di sekitar Indonesia.

Sementara itu, peta taburan ti-tik panas direkodkan ASMC ma-sih belum dikemas kini setakat jam 6 petang semalam.

**LAMPIRAN 12**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# Pemilik 112 tong dikenakan notis

*Merupakan seorang pemilik kebun sayur berdekatan kawasan itu*

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

**P**emilik kepada lebih 100 tong berisi minyak yang dibuang di dua lokasi berasingan berdekatan sungai di perkampungan orang asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor dikenal pasti.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeeri, Hee Loy Sian berkata, pemilik tong berkenaan merupakan seorang pem-

lik kebun sayur berdekatan kawasan tersebut.

Menurutnya, siasatan dibuat pihaknya bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta beberapa agensi terlibat dengan menjalankan pemantauan di lokasi pembuangan tong berisi cecair dan LUAS bertindak segera dengan memasang 'condone tape' pada kesemua tong berkenaan di lokasi kejadian.

"Hasil siasatan mendapati pemilik tong berkenaan merupakan seorang pemilik kebun sayur berdekatan di kawasan itu.

"Dalam masa sama, pihak Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah memberikan dua notis kesalahan kepada pemilik tong tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau turut memberitahu, siasatan lanjut turut mendapati tong-tong ter-



Sebanyak 112 tong berisi minyak bitumen itu dijumpai diletakkan di tepi jalan berhampiran pembenteng sungai di Kampung Sungai Jang, Kerling.

sebut diedar oleh sebuah kilang yang bertempat di Kampung Sungai Dara, Behrang Ulu, Perak.

Sehubungan itu kata-nya, tindakan susulan telah diambil kepada pihak bertanggungjawab dan Majlis Daerah Tanjung Malim

turut mengeluarkan notis.

"Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan pemilik kilang tersebut untuk menguruskan tong-tong itu mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan jauh dari sungai," katanya.

Beliau berkata, tong-

tong di lokasi kejadian telah dihantar semula ke kilang terlibat.

Terdahulu, penduduk orang asli berdekatan Kampung Sungai Jang, Kerling menemui 112 tong berisi minyak bitumen yang dibuang di dua lokasi



LOY SIAN

berasingan di tepi jalan berhampiran sungai kampung berkenaan.

Yang Dipertua MDHS, Shukri Mohamad Hamin berkata, pihaknya menerima aduan berhubung perkara tersebut pada Jumaat lepas dan penduduk memaklumkan aktiviti itu di-kesan sejak sebulan lalu.

Menurutnya, siasatan awal yang dilakukan pada jam 11 malam mendapat lokasi tong berkenaan terletak hanya 10 meter dari pembetung sungai.

## LAMPIRAN 13

### HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12

#### TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)

#### KRONOLOGI PENUBUHAN LYNAS DAN BANTAHAN DIBANGKITKAN

Januari 2008

Lynas Corporation Ltd adalah syarikat berasal dari Australia yang diberikan kebenaran untuk beroperasi di Pahang. Lynas juga pengeluar nadir bumi terbesar dunia selain China yang melombong bahan itu dari Gunung Weld iaitu gunung berapi yang ranap di Australia dan mengangkutnya untuk ditapis ke kompleks perindustrian Gebeng.

13 November 2011

Kira-kira 2,000 penduduk di Gebeng dan Kuantan membuat bantahan terhadap pembinaan loji Lynas untuk memproses nadir bumi.

30 Mac 2012

Sekumpulan individu memakai kemeja-T berwarna hitam berkumpul dan membuat bantahan terhadap pembinaan kilang dan operasi yang akan dijalankan Lynas di Parlimen.

14 Julai 2012

Kira-kira 3,000 penduduk Kuantan memprotes di Gebeng.

Disember 2012

Lynas dibenarkan beroperasi secara rasmi.

22 Jun 2014

Pengerusi Kumpulan Hijau Wong Tack Bersama beberapa individu lain telah menyertai perhimpunan haram membantah operasi Lynas hingga menimbulkan ketegangan dengan polis.

6 Julai 2018

Mahkamah Sesyen Kuantan menjatuhkan hukuman denda RM1,500 dan RM1,600 selepas mendapti Wong Tack dan 14 individu lain bersalah menyertai perhimpunan itu.

3 Mac 2019

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh meminta Lynas menghentikan operasi pengeluaran sisa WLP secara sementara sekiranya masih gagal bersihkan sisa yang disimpan di kilang mereka sebelum September ini.



KAWASAN kilang pemprosesan nadir bumi Lynas di Kawasan Perindustrian Gebeng.

## Tetapkan syarat lain

■ Kerajaan perhalusi syor semua pihak sebelum buat keputusan



Ekhwan Haque Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**O**rang ramai termasuk Ahli Parlimen berhak menyuarakan pandangan masing-masing terhadap operasi syarikat memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd di Gebeng selewat lewatnya 15 Ogos ini sama ada sisa radioaktif daripada loji pemprosesan perlu dihantar ke negara asal Australia atau sebaliknya.

Beliau berkata, keputusan dibuat kerajaan hasil penelitian pelbagai sudut terhadap pandangan diberikan semua pihak termasuk menteri kabinet yang turut

Yeo Bee Yin berkata, ini kerana isu alam sekitar dan kesihatan rakyat begitu penting walaupun pandangan yang dilontarkan itu berbeza termasuk perhimpunan yang akan diadakan bagi menzahirkan pandangan.

Menurutnya, kementerian-nya akan mengeluarkan keputusan rasmi mengenai keputusan kerajaan terhadap operasi kilang berkenaan di Gebeng selewat lewatnya 15 Ogos ini sama ada sisa radioaktif daripada loji pemprosesan perlu dihantar ke negara asal Australia atau sebaliknya.

Beliau berkata, keputusan dibuat kerajaan hasil penelitian pelbagai sudut terhadap pandangan diberikan semua pihak termasuk menteri kabinet yang turut



BEE Yin

melontarkan pandangan masing-masing.

"Saya juga sudah melontarkan pandangan serta menteri Kabinet lain dan keputusan sudah dicapai menerusi majoriti."

"Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

kita akan bertindak mengikut keputusan dibuat Kabinet.

"Kerajaan juga akan menetapkan syarat lain terhadap syarikat berkenaan dan kini Lynas dalam proses pembaharuan lesen yang akan tamat pada 2 Septem ber ini mengikuti prosedur ditetapkan," katanya.

Bagaimanapun, Bee Yin berkata, secara peribadi keputusan yang dibuat kerajaan terhadap syarikat berkenaan bukan paling ideal namun lebih baik daripada sebelum ini.

Katanya, walapun keputusan sudah dicapai, kementeriannya akan mengadakan dialog bersama Ahli Parlimen untuk mendengar pandangan dan cadangan mereka, hari ini.



**LAMPIRAN 14**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

**Kuantan:** Lynas (Malaysia) Sdn Bhd meminta Ahli Parlimen Kuantan Fuziah Salleh supaya mengemukakan setiap bukti dalam tuduhannya terhadap syarikat terbabit.

Pengarah Urusan dan Naib Presidennya Datuk Mashal Ahmad berkata, Fuziah perlu bercakap atau mengeluarkan kenyataan berlandaskan fakta dan bukan atas tuduhan semata-mata.

"Macam kita (Lynas), apa kita cakap, kita kemukakan bukti. Sejak 10 tahun lalu (Fuziah) bercakap tiada bukti."

"Hendak tuduh, saya boleh tuduh," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas kenyataan dikeluarkan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri itu kelmarin yang menyifatkan tindakan kerajaan terdahulu membenarkan kilang Lynas Advanced Materials Plant beroperasi di negara ini adalah kerana di-

perdaya dan ditipu kerana menyangka ia adalah satu industri yang strategik.

Fuziah dilaporkan berkata, sejak Lynas mula beroperasi pada 2012, lebih satu juta tan metrik sisa terjadual dan 500,000 tan metrik sisa buangan radioaktif Water Leach

Purification (WLP) disimpan di Gebeng yang bukannya struktur penyimpanan kekal.

Beliau turut mendakwa ribuan peluang pekerjaan yang kònonya ditawarkan pada awal kemasukan kilang itu terbukti hanyalah janji apa-

bila hanya 600 peluang pekerjaan yang wujud setakat ini.

Menurut Mashal, kenyataan dikeluarkan Fuziah seperti tiada kesudahan dan pihaknya tidak perlu melatah dengan apa yang diperkatakannya.

## **Lynas mahu Fuziah kemuka bukti setiap tuduhan**

**LAMPIRAN 15**  
**SINAR HARIAN (TENGAH): MUKA SURAT 30**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## ***Tetap bantah operasi Lynas***

KUANTAN - Ahli Parlimen Bentong tetap tidak bersetuju Lynas Sdn Bhd (Lynas) beroperasi di negara ini.

Wong Tack berkata, keputusan itu juga adalah pendirian rakyat.

Pengerusi Himpunan Hijau itu mendakwa, Lynas tidak memenuhi kriteria yang diperlukan dalam konteks kesajaeraan dan kesihatan selepas hampir tujuh tahun beroperasi.

"Ini adalah aspirasi rakyat Pahang khususnya penduduk di Kuantan kerana sisa pembuangan radioaktif yang disimpan boleh memudaratkan kesihatan.

"Kita tetap akan menentang. Ini perjanjian kita kepada rakyat dan mereka juga tidak mematuhi syarat yang ditetapkan



WONG TACK

kerajaan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Bagaimanapun katanya, kajian teliti perlu jika kerajaan membenarkan Lynas beroperasi bagi mengelakkan kesan buruk kepada penduduk untuk jangka masa panjang.

"Jika betul kerajaan mahu menjana pendapatan melalui radioaktif, sila berikan penjelasan dengan terperinci selain disokong oleh fakta dan angka yang betul kepada rakyat kerana kami badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif ada banyak bukti dan fakta berkaitan," katanya.

Tambahnya, pihaknya tidak mahu kerajaan kini menjadi seperti kerajaan terdahulu yang lebih mementingkan keuntungan negara daripada kesihatan rakyat.

**LAMPIRAN 16**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 22**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

# Ambil tindakan penyebab pencemaran

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 OGOS

JABATAN serta agensi penguat kuasa berkaitan perlu bertindak tegas termasuk mengesahkan dakwaan, siasatan dan tindakan terhadap pihak yang menyebabkan berlakunya pencemaran sehingga menjasaskan kesihatan penduduk di Pasir Gudang, Johor.

Tindakan sedemikian perlu diambil berikutan masalah pencemaran di kawasan perindustrian itu seperti tiada kesu-



AHMAD ISMAIL

dahan sehingga menimbulkan pelbagai spekulasi dan dakwaan tidak masuk akal.

Presiden Persatuan Pencinta

Alam Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Ismail berpendapat, pihak yang menyebabkan pencemaran perlu diambil tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

“Isu keracunan yang dihadapi oleh penduduk termasuk pelajar sekolah di Pasir Gudang memerlukan penyelesaian segera, bukan setakat penguatausaan undang-undang sahaja.

“Kalau keracunan disebabkan bahan kimia, tunjukkan jenis bahan, sumber dan kesan kepada kehidupan serta beri penyelesaian yang meyakinkan kepada masyarakat,” katanya

ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas cadangan daripada Badan Bertindak Penduduk Isu Pencemaran Alam Sekitar (BBPIPAS) antaranya pembubuhan Jabatan Alam Sekitar cawangan Pasir Gudang serta mewujudkan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasi masalah pencemaran di kawasan terlibat.

Dalam pada itu, Ahmad turut mengingatkan pihak berwajib supaya menyalurkan maklumat yang jelas kepada penduduk supaya tidak menimbulkan

kerisauan dan ketakutan dalam kalangan mereka.

“Sekiranya penduduk tempatan sudah dalam ketakutan dan ada pihak mencadangkan untuk meminta bantuan antarabangsa, menunjukkan rakyat tempatan berada dalam kerisauan tentang kesihatan mereka.

“Mungkin, pihak kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), wakil penduduk dan sebagainya wajar mendapatkan kedudukan sebenar. Yakinkan masyarakat tentang punca sebenar, jalan penyelesaian berserta dengan bukti,” ujarnya.

**LAMPIRAN 17**  
**THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

Sixteen teams from 10 schools in the Klang Valley will be competing in the finals of Anugerah Hijau 2019. — Photos: LOW LAY PHON



# Awards finalists to focus on clean rivers

## 48 secondary school students to come up with innovative ideas to beautify waterways

SIXTEEN teams from several secondary schools in the Klang Valley have made it as finalists of the annual Anugerah Hijau (Green Awards) organised by environmental non-profit organisation EcoKnights.

With this year's theme of "Pelindung Sungai Kelang", the 48 students from 10 schools will be coming up with innovative ideas on cleaning up and beautifying rivers in the Klang Valley.

Two categories have been introduced this year: Totally Active (focusing on waste management in schools) and Absolutely Creative (producing a short film about rivers).

EcoKnights programme director Fadly Bakhtiar hoped that the

competition would encourage creative thinking in addressing issues related to river pollution.

"We have organised these awards for the past 11 years to involve students in helping to save the environment.

"For the past three years, we have focused on educating them about the importance of rivers.

"We hope this year we will see new ideas and initiatives that could be carried out in their individual schools," he said at the launch of Anugerah Hijau 2019 which was followed by a workshop at Jungle Lodge Alang Sedayu in Gombak.

The awards is one of the programmes under the River of Life spearheaded by the Federal Territories Ministry and Drainage

and Irrigation Department (DID).

DID River Basin Management Division director Md Khairi Selamat said these types of programmes would help raise the quality and standard of ideas in helping to save the environment.

The schools which made it to the finals are SMK Taman Kosas, SMK Shah Alam, SMK Seri Ampang, SMK Dato Ahmad Razali, SMK Darul Ehsan, SM Sains Alam Shah, SMK Kepong, SMK Aminuddin Bakri, SMK Sungai Besi and SMK Dato Onn.

The finalists will be given until October to complete their projects before judging and the awards ceremony takes place. The finals will be held in conjunction with the Kuala Lumpur Eco Film Festival.



Anugerah Hijau participants picking up rubbish during the workshop in Gombak.



## LAMPIRAN 18

THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 7  
TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**TYPHOON 'WIPHA' SLAMS VIETNAM, KILLING FIVE**

HANOI: At least five people died and another 13 have been reported missing after Typhoon *Wipha* slammed into Vietnam's northern coast, authorities reported yesterday. The worst hit province was Thanh Hoa, where three were killed and 12 reported missing, according to a statement by the Central Steering Committee for Natural Disaster Prevention. Most of the missing were from Quan Son district, where an entire village. - dpa

**LAMPIRAN 19**  
**UTUSAN MALAYSIA (DUNIA): MUKA SURAT 41**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

**PENUNGGANG** motosikal memakai topeng muka semasa jerebu tebal melanda Pekanbaru, Riau, semalam. - AGENSI.



# Jerebu: 700 alami masalah pernafasan

■ RIAU 5 OGOS

**S**EBANYAK 700 penduduk Pekanbaru di wilayah ini menderita akibat penyakit berkaitan pernafasan ketika jerebu tebal berpunca daripada kebakaran hutan menyelubungi kawasan itu sejak beberapa hari lalu.

Agensi berita *Antara* melaporkan, pihak berkuasa mengarahkan penduduk tempatan kekal berada di rumah bagi mengelak daripada terkena penyakit berkaitan jerebu.

“Sekurang-kurangnya 10,000 topeng muka telah diagihkan kepada orang awam secara percuma,” kata Setiausaha Pegawai Kesihatan Riau, Yohanes.

Menurut Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofisika

(BMKG) \*, jerebut mengakibatkan jarak penglihatan di daerah itu hanya tinggal 1.5 kilometer.

Seorang penduduk mukim Lima Puluh, Kota Pekanbaru, Wati, berkata, dua di antara tiga anaknya menderita batuk-batuk sejak dua hari lalu dipercayai akibat jerebu.

Dalam perkembangan berkaitan, sebanyak 55 syarikat di negara ini yang memiliki hak pengurusan tanah dan hutan diberikan amaran oleh kerajaan apabila tanah mereka dikenal pasti mempunyai titik panas menyumbang kepada kebakaran hutan ketika ini.

Portal *Republika* yang memetik Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan, Siti Nurbaya Bakar melaporkan, sepanjang dua bulan lalu, kerajaan Indo-

nesia mengeluarkan surat amaran terhadap kesemua syarikat tersebut dengan 26 daripada 55 syarikat itu berada di wilayah Riau.

Tambah Siti Nurbaya, 55 syarikat yang diberi amaran itu, didapati telah mengusahakan tanah melibatkan beberapa jenis konsesi antaranya Hak Pengusahaan Tanah (HPT), Hutan Perladangan Perindustrian (HTI) dan Hak Penanaman Taman (HGT).

“Perkara ini membimbangkan saya sejak Rabu lalu kerana bacaan titik panas negara sudah melebihi 500. Biasanya jika telah mencapai 500, saya akan rasa bimbang. Kalau Riau sudah mencapai bacaan titik panas 80, saya juga berasa bimbang,” katanya. - AGENSI

**LAMPIRAN 20**  
**THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 25**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## Climate change crises heading for an ecological land grab



**Nature under siege:** A local farmer planting galangal in Rimbo Panjang, Indonesia. The ecological disaster has inflicted a staggering toll on the region's environment. — AP

**PARIS:** The overlapping crises of climate change, mass species extinction, and an unsustainable global food system are on a collision course towards what might best be called an ecological land grab.

Coping with each of these problems will require a different way of using Earth's lands, and as experts crunch the numbers it is becoming unnervingly clear that there may not be enough terra firma to go around.

A world of narrowing options threatens to pit biofuels, forests and food production against each other.

Experts who once touted "win-win" scenarios for the environment now talk about "trade-offs".

This looming clash is front-and-centre in the most comprehensive

scientific assessment ever compiled of how global warming and land use interact, to be released by the UN's Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) on Thursday.

Proposals to convert areas the size of India and the United States to biofuel crops or CO<sub>2</sub>-absorbing trees, for example, "could compromise sustainable development with increased risks – and potentially irreversible consequences – for food security, desertification and land degradation," a draft summary of the 1,000-page report warns.

Meanwhile, the fundamental drivers of Earth's environmental meltdown – CO<sub>2</sub> and methane emissions, nitrogen and plastics pollu-

tion, human population, unbridled consumption – continue to expand at record rates, further reducing our margin for manoeuvre.

Earth's surface temperature has already risen 1°C above pre-industrial levels, enough to trigger deadly extreme weather and sea level rise that could swamp coastal megacities by 2100.

And yet, 2018 saw a record 41.5 billion tonnes of planet-warming CO<sub>2</sub> added to the atmosphere, up two percent from the previous record, set the year before.

At this pace, humanity will exhaust its "carbon budget" for a 1.5C world before US congresswoman Alexandria Ocasio-Cortez, co-sponsor of the Green New Deal, turns 45 (in 16 years). — AFP

**LAMPIRAN 21**  
**UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 41**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**



## 'Pulau Jawa bergelap', 50 rumah hangus

**GANGGUAN** bekalan elektrik memaksa orang ramai memasang lilin di Jakarta, Indonesia, kelmarin. - AGENSI

**JAKARTA** 5 Ogos - Seorang penghuni mati rentung dalam kebakaran kira-kira 50 buah rumah di Menteng Atas Selatan III di Jakarta Selatan yang musnah dijilat api ketika beberapa kawasan di Pulau Jawa terputus bekalan elektrik.

Ketua Operasi Bomba Jakarta Selatan, Sugeng berkata, kebakaran itu berpunca ekoran penggunaan lilin oleh penghuni selepas gangguan bekalan elektrik dari loji jana kuasa 500 KVI di Jakarta.

Insiden itu mengakibatkan

kira-kira 350 penduduk terpaksa dipindahkan ke Kebon Sawo, Kelurahan Menteng Atas buat sementara waktu.

"Kita masih belum mengenal pasti identiti mangsa dan siasatan masih lagi dijalankan," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, insiden 'blackout' itu memenuhi ruangan hantaran laman media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram di Indonesia sehingga pagi ini.

Presiden Indonesia, Joko Widodo (Jokowi) sementara itu mengkritik syarikat pengendali Perusahaan Listrik Negara (PLN) yang menurut beliau perlu mempunyai rancangan luar jangka sebagai persediaan menghadapi masalah kecemasan. Gangguan itu menjadikan Jakarta dan beberapa kawasan di Pulau Jawa yang membabitkan lebih 100 juta penduduk.

"Perkara yang boleh menjadikan ramai tidak seharusnya berulang di masa depan dan saya sudah arahkan keadaan dipulihkan dengan segera," katanya. - AGENSI

**LAMPIRAN 22**  
**THE STAR (FOREIGN NEWS): MUKA SURAT 6**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## New Japanese flying car gets off the ground, for about a minute

**TOKYO:** It was caged and only hovered for about a minute, but it flew: a new flying car.

Made by NEC Corp, the vehicle is essentially a large drone with four propellers that's capable of carrying people. The Japanese electronics maker demonstrated the machine, flying without a passenger, at a suburb here yesterday. Powered by a battery, it rose briefly to about 3m above the ground before settling down again.

Behind the somewhat underwhelming, drama-free demonstration lies a bigger ambition: Japan's government wants the country to become a leader in flying cars after missing out on advancements in technology such as electric cars and ride-hailing services. The country's technological roadmap calls for shipping goods by flying cars by around 2023 and letting people ride in flying cars in cities by the 2030s.

"Japan is a densely populated country and that means flying cars could greatly alleviate the burden on road traffic," said Kouji Okada, a leader of the project at NEC.

"We are positioning ourselves as an enabler for air mobility, providing location data and building communications infrastructure for flying cars."

For the past few years, Japan has seen the emergence of a small, passionate flying-car community that believes Japan has the engi-

neering expertise and right environment to foster a global flying car industry. Venture capitalists in the country set up a specialised fund, known as the Drone Fund, devoted to investing in autonomous aircraft in general and flying-car businesses in particular.

Although Monday's demo is among the first by a major Japanese corporation, NEC isn't planning to mass-produce the flying car, according to Okada. Instead project partner Cartivator will start mass producing the transportation machine in 2026, according to the startup's co-founder, Tomohiro Fukuzawa.

NEC engineers and Cartivator, which it sponsors, spent about a year developing the model. It's about 3.9m long, 3.7m wide and 1.3m tall, and weighs about 150kg. It's being tested in a large 10-m-by-20-m cage that's 2m tall, to make sure it doesn't fly out of control and injure someone, or cause damage.

Japan isn't the only country seeking to usher in a flying-car utopia; Dubai, Singapore, and New Zealand have expressed similar intentions. Google co-founder Larry Page's Kitty Hawk Corp is also working on a flying car, as is Uber Technologies Inc.

Eventually, NEC's flying car will be set free: Cartivator has been granted a permit for outdoor flights by Japanese government. — Bloomberg



**Big ambition:** The flying car hovering at NEC's facility in Tokyo. Japan is seeking to become a leader in flying cars after missing out on advancements in technology such as electric cars and ride-hailing services. — AP

**LAMPIRAN 23**  
**THE STAR (ASEAN): MUKA SURAT 19**  
**TARIKH: 6 OGOS 2019 (SELASA)**

## Five killed, 13 missing after storm in Vietnam

**HANOI:** At least five people have died and 13 others are reported missing after Tropical Storm Wipha slammed into Vietnam's northern coast, authorities said.

The worst hit province was Thanh Hoa, where three people were killed and 12 were reported missing, according to a statement yesterday by the Central Steering Committee for Natural Disaster Prevention.

Most of the missing people were from Quan Son district, where an entire village was destroyed by a flash flood.

One person was reported dead in the mountainous province of Bac Kan and another in Dien Bien province.

The storm made landfall at around 10pm on Thursday in Quang Ninh province, home of the Unesco World Heritage site Halong Bay, and the neighbouring city of Haiphong.

It weakened into a tropical depression on Saturday, with rain continuously falling in the capital Hanoi on Sunday, causing some flooding.

About 800 soldiers have been deployed to assist with disaster relief in the northeastern provinces, where communities are expected to experience more dangerous flash floods and rockslides in the coming days.

Up to 400mm rainfall was reported in northern Vietnam over the weekend, while 100mm rainfall was expected yesterday.

Vietnam is among the most vulnerable nations to climate change



No way through: The path to a clinic submerged after Tropical Storm Wipha struck in Hanoi. — Reuters

impacts. It is one of nine countries that according to a International Panel on Climate Change report, will have at least 50 million people exposed to the impacts of rains and rising sea levels.

Over the past few days, Wipha also caused widespread flooding in the southern Chinese provinces of Hainan and Guangdong, and Guangxi region in southern China.

On Friday, violent winds damaged trees, power lines, as well as overturned vehicles in Beihai City, Guangxi region. The city's harbour was also brought to a standstill with boats brought in for shelter.

Landslides in the southwestern province of Sichuan also left one person dead and at least 11 missing on Thursday, according to state broadcaster CCTV. — dpa



Ankle-deep: A man riding his motorcycle through a flooded road after the storm. — Reuters